

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 27/12/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Jadikan 2018 Tahun Digital Koperasi

Tarikh kemaskini: 27/12/2017

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menjadikan 2018 sebagai Tahun Digital Koperasi bagi menggalakkan penglibatan koperasi-koperasi di bawah naungannya dalam perdagangan elektronik (e-dagang).

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pelbagai program kesedaran akan diadakan sebagai input kepada tahun berkenaan selain penambahan kemudahan untuk mereka bergiat dalam perniagaan atas talian ini.

"Kalau koperasi tidak mengambil bahagian atau tidak mengambilkira perkembangan semasa tentang e-dagang, maka koperasi akan ketinggalan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus pembinaan laman web koperasi anjuran Angkasa di sini.

"Beliau berkata penganjuran kursus itu yang melibatkan anggota jawatankuasa Angkasa dari Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang merupakan langkah pertama menggalakkan penglibatan koperasi dalam e-dagang dan akan dikembangkan lagi tahun depan.

"Kita ada hampir 14,000 koperasi di seluruh negara yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi, namun peratusan yang memiliki laman web sendiri masih terlalu kecil. Kita mahu semua koperasi ada laman web mereka sendiri," katanya.

Abdul Fattah berkata e-dagang juga dapat menjadi platform kepada koperasi-koperasi untuk meningkatkan lagi perolehan mereka menerusi perluasan pasaran produk-produk yang tidak akan terhad hanya di dalam negara.

" Pada tahun lepas, perolehan koperasi adalah hampir RM40 bilion. Kalau koperasi dapat menggunakan e-dagang sebagai platform perniagaan mereka, saya percaya jumlah perolehan ini dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang," katanya.

Beliau berkata koperasi juga dapat meningkatkan lagi kepentingan peranannya dalam perkembangan ekonomi negara menerusi penglibatan dalam e-dagang yang turut menjadi agenda penting kerajaan.

"Mereka perlu mengambil peluang yang dihasilkan dari inisiatif kerajaan untuk mewujudkan zon perdagangan digital yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Usaha yang kita buat sekarang ini adalah bertepatan untuk memastikan koperasi menceburi bidang e-dagang sebagai platform untuk memasarkan produk masing-masing, meluaskan lagi pasaran mereka ke seluruh dunia dan membantu kerajaan dengan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara," katanya.

-- BERNAMA